

TAHAP KESEDIAAN GURU PELATIH UTM BERKHIDMAT DI SABAH DAN SARAWAK

Baharin Bin Abu & Azura Abdul Aziz
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak: Kajian berbentuk deskriptif ini dijalankan bagi mengkaji tahap kesediaan guru pelatih UTM berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Responden kajian adalah terdiri daripada 164 orang guru pelatih JPTK Fakulti Pendidikan UTM. Instrumen kajian terdiri daripada soal selidik yang mengandungi maklumat berkenaan latar belakang responden, tahap kesediaan sikap serta kemahiran mengajar guru pelatih untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Soalan terbuka pada bahagian c berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh guru pelatih JPTK Fakulti Pendidikan UTM. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian statistik sosial sains (SPSS version 11.5 for window). Hasil analisis dipersembahkan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Nilai kebolehpercayaan Alpha Cronbach kajian ini adalah 0.97. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan sikap dan kemahiran mengajar guru pelatih JPTK Fakulti Pendidikan UTM berada pada tahap tinggi iaitu 3.81 dan 3.91. Walaubagaimanapun, kesediaan guru pelatih dalam menghadapi cabaran dan melakukan tugas-tugas tambahan perlu dipertingkatkan. Selain itu didapati juga bahawa guru pelatih ini hanya tahu menggunakan kaedah mengajar biasa sahaja dan kurang bersedia untuk menggunakan kaedah pengajaran pengayaan serta mastery learning. Keadaan guru pelatih ini harus diberi perhatian supaya guru pelatih mempunyai tahap kesediaan yang tinggi daripada segi sikap dan kemahiran mengajar apabila ditempatkan mengajar. Sebagai kesimpulannya, beberapa cadangan dikemukakan kepada pihak yang berkenaan untuk mempertingkatkan lagi tahap kesediaan guru pelatih.

Abstract: This descriptive based study was carried out to investigate the level of readiness of UTM teacher trainees to serve in Sabah and Sarawak. The respondents of this study were 164 JPTK teacher trainees from the Faculty of Education, UTM. The instrument of this study was a set of questionnaire which consisted of respondents demographic information, their level of attitude readiness as well as their teaching skills to serve in Sabah and Sarawak. Open-ended questions in section c inquire the problems faced by JPTK teacher trainees of Faculty of Education, UTM. Data gathered were analysed using the social science statistical package (SPSS Version 11.5 for window). The data were presented in the forms of frequency, percentages and mean. The Alpha Cronbach reliability value for this study is 0.97. The findings show that the level of attitude readiness and the teaching skills that the JPTK teachers possess is of high level 3.81 and 3.91. However, teacher trainees readiness to face challenges and to complete additional tasks must be increase. Besides, it was also found that these trainee teachers only know how to teach using normal teaching method and were not ready to implement enrichment teaching technique as well as mastery learning. As such, this trainee teachers should be attended to so that the teacher trainees possess high level of readiness in terms of attitudes, and teaching skills when they serve in schools. In conclusion, a few recommendations are proposed to the authority to further improve the level of readiness of trainee teachers.

Katakunci: guru pelatih, kesediaan

Pengenalan

Isu penempatan guru menjadi isu yang paling hangat dikemukakan oleh guru pelatih kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Walaupun sistem pendidikan sudah mengalami pelbagai perkembangan namun penempatan guru masih menjadi isu yang membimbangkan. Kekurangan guru di Sabah dan Sarawak

menjadi tanda tanya kepada semua pihak kerana siswazah pendidikan yang dikeluarkan setiap tahun mencukupi malah terdapat paparan di dada akhbar yang mengatakan siswazah pendidikan masih lagi menganggur serta menunggu panggilan untuk mengajar. Pengarah Jabatan Pelajaran Sabah dan Sarawak sentiasa membangkitkan rasa kerisauan terhadap pencapaian sistem pendidikan mereka memandangkan terdapat perbezaan jurang yang tinggi akibat kekurangan tenaga pengajar.

Pernyataan Masalah

Universiti Teknologi Malaysia merupakan salah sebuah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang menawarkan kursus pendidikan di bidang Teknik dan Kejuruteraan. Semenjak penubuhannya universiti ini telah berjaya melahirkan ramai graduan di bidang pendidikan teknik serta kejuruteraan. Antara kursus-kursus yang ditawarkan adalah SPA, SPE, SPJ dan SPH. Kursus yang ditawarkan adalah selama empat tahun. Motif utama kursus pendidikan ini adalah untuk melahirkan guru yang berkesan.

Setelah berada di tahun akhir iaitu semasa semester dua tahun empat kesemua pelajar pendidikan dikehendaki untuk mengisi borang penempatan. Mengikut prosedur mengisi borang penempatan guru pelatih perlu mengisi dua tempat pilihan mengajar mengikut kehendak masing-masing, tetapi pihak Kementerian Pelajaran Malaysia yang akan menentukan lokasi penempatan bagi guru-guru pelatih tersebut. Disinilah perlu melihat tahap kesediaan guru pelatih jika mereka diarahkan untuk mengajar di Sabah dan Sarawak. Persediaan seorang guru bermula apabila ia mengikuti program pendidikan perguruan lagi, dimana ia meliputi segala aspek sikap dan minat, pengetahuan bidang, kemahiran mengajar serta sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan masalah yang tidak dijangkakan. Tahap kesediaan ini perlu di nilai dari masa ke semasa untuk menjamin kualiti sistem pendidikan negara. Dari segi akademiknya bakal guru perlu mendapat pendedahan yang mencukupi dengan menguasai isi pelajaran yang akan diajarnya.

Dalam mengikuti program perguruan ini, guru pelatih juga akan mempelajari tentang teknik, kaedah dan cara penyampaian supaya pelajar-pelajar dapat memahami apa yang hendak di sampaikan. Guru pelatih juga perlu menyiapkan mental mereka untuk menghadapi segala cabaran-cabaran yang mungkin timbul semasa menyampaikan sesuatu pengajaran. Yang paling utama guru pelatih perlu menaruh minat yang mendalam terhadap bidang mereka. Selain itu guru pelatih juga perlu yakin pada kemampuan diri sendiri untuk mengajar, ini kerana seorang guru pelatih itu telah didedahkan dan diberikan asas yang cukup di institusi perguruan. Mereka cuma perlu mengembangkan lagi asas yang sedia ada untuk pembelajaran dan pengajaran lebih bermakna dan ini bergantung kepada tahap kesediaan mereka daripada segi sikap dan kemahiran mengajar serta ketahanan menghadapi masalah. Walaubagaimanapun sudah bersediakah guru pelatih ini untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Justeru itu kajian ini dijalankan untuk melihat sejauhmanakah tahap kesediaan guru pelatih untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

Objektif kajian

Objektif kajian ini adalah :

1. Mengenalpasti tahap kesediaan sikap guru pelatih JPTK Fakulti Pendidikan UTM untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak
2. Mengenalpasti tahap kesediaan kemahiran mengajar guru pelatih JPTK Fakulti Pendidikan UTM
3. Mengenalpasti masalah-masalah bagi guru pelatih JPTK Fakulti Pendidikan UTM untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak

Kepentingan kajian

Kajian ini dibuat untuk mendapatkan maklum balas mengenai tahap kesediaan guru-guru pelatih aliran Jabatan Pendidikan Teknik dan Kejuruteraan (UTM) terhadap kesediaan mengajar di Sabah dan Sarawak. Kajian ini dijalankan agar dapat memberikan manfaat dan panduan kepada pihak-pihak yang berkenaan bagi meneliti kelemahan dan kepincangan sesuatu organisasi. Antara pihak yang boleh mengambil manfaat terhadap kajian ini ialah :

Fakulti Pendidikan UTM

Memberi maklumat mutakhir kepada pihak Fakulti Pendidikan, UTM mengenai tahap kesediaan guru pelatih UTM sekiranya ditempatkan mengajar di Sabah dan Sarawak serta dapat membantu mereka mengenalpasti cara-cara bagi meningkatkan tahap kesediaan guru-guru pelatih seterusnya sebelum keluar mengajar. Maklumat yang diperolehi dalam kajian ini juga dapat digunakan oleh pensyarah-pensyarah untuk memperbaiki dan meningkatkan lagi keberkesanan pengajaran mereka berdasarkan kepada kelemahan-kelemahan guru –guru pelatih dari segi kesediaan sikap, kemahiran mengajar serta kesediaan menghadapi masalah.

Guru-guru pelatih

Sebagai panduan kepada guru-guru pelatih di Fakulti Pendidikan agar lebih bersedia menghadapi kemungkinan ditempatkan mengajar di Sabah dan Sarawak. Kesediaan tersebut perlulah selaras dengan kehendak dasar pendidikan negara. Maklumat daripada kajian ini boleh digunakan oleh guru-guru pelatih untuk mengesan kelemahan mereka dan cuba memperbaikinya.

Batasan kajian

Kajian yang dijalankan adalah untuk meninjau persepsi guru-guru pelatih aliran JPTK terhadap tahap kesediaan mereka berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Skop kajian ini agak luas, maka penyelidik telah membataskan kajian kepada beberapa perkara yang memenuhi objektif kajian sahaja.

Kajian hanya dibuat di kalangan guru-guru pelatih JPTK yang belajar di Fakulti Pendidikan, UTM Skudai, yang berada di tahun akhir. Data dikumpul daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada responden. Antara tiga kriteria utama yang akan dikaji iaitu dari aspek :

- 1) Kesediaan sikap
- 2) Kesediaan kemahiran mengajar
- 3) Masalah-masalah yang dihadapi

Metodologi

Populasi dan Responden Kajian

Populasi kajian terdiri daripada guru pelatih UTM, Skudai yang berada di bidang JPTK Fakulti Pendidikan. Penyelidik memilih guru pelatih JPTK kerana ia memudahkan penyelidik mendapatkan data.

Kaedah Pengumpulan Data

Data-data yang telah diisi responden dalam soal selidik dikumpulkan oleh penyelidik mengikut tempoh yang telah ditetapkan. Ini memastikan borang soal selidik sampai ke tangan penyelidik dengan sempurna.

Data-data yang dikumpulkan akan diproses dan dianalisis dengan menggunakan perisian Komputer SPSS Window Version 11.5 (Statistical Packages For Windows) dan hasilnya dipersembahkan dalam bentuk peratus (%) dan kekerapan (*f*). Penganalisan dibuat berdasarkan kepada persoalan kajian. Hasilnya akan dipersembahkan dalam bentuk jadual.

Data dari soal selidik yang diperolehi akan dianalisis bagi mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min. Menurut Mohd Najib (1998), Nilai kekerapan dan min digunakan untuk mewakili atau menerangkan ciri kumpulan sesuatu data serta menerangkan kandungan sesuatu set soalan. Min sesuai digunakan untuk memudahkan tugas analisis.

Penganalisan data melibatkan aktiviti memanipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadual. Penganalisan data juga melibatkan pengiraan data mentah. Dalam pentafsiran data, penyelidik akan menggunakan objektif penyelidikan sebagai asas untuk mentafsir dan mengumpul data maklumat. Pentafsiran dilakukan untuk mengenalpasti sejauh mana objektif penyelidikan dicapai berdasarkan mata dan maklumat yang diperolehi.

Instrumen Kajian

Penyelidik menggunakan instrumen berbentuk soal selidik dalam kajian ini. Soal selidik yang digunakan, dijangka dapat memenuhi aspek-aspek kesahihan dan kebolehpercayaan. Menurut Oppenheim (1966) soal selidik selalu digunakan untuk mengukur konsep yang berkaitan dengan sikap, persepsi dan pandangan, selain daripada pandangan latar belakang.

Set soal selidik terdiri dari tiga bahagian iaitu :

Bahagian A

Dalam bahagian ini maklumat demografi responden diambil. Ianya mengandungi 6 soalan yang berkaitan dengan jantina, bangsa, umur, kursus yang sedang diikuti, faktor memilih kursus serta negeri asal.

Bahagian B

Bahagian B mengandungi 20 item soalan yang meliputi aspek yang hendak dikaji iaitu tahap kesediaan sikap serta tahap kesediaan kemahiran mengajar. Tanggapan responden dalam bahagian ini diukur dengan menggunakan skala likert yang terdiri daripada lima peringkat.

Bahagian C

Bahagian C mengandungi soalan yang terbuka. Soalan ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian yang ketiga. Soalan terbuka yang dikemukakan adalah :
Nyatakan masalah yang dihadapi jika ditempatkan berkhidmat mengajar di Sabah dan Sarawak?

Kajian Rintis

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen, satu kajian rintis dibuat sebelum kajian sebenar dilakukan. Wiersma (1991), menyatakan bahawa kajian rintis telah dijalankan bertujuan untuk menguji item dari segi bahasa dan untuk mendapatkan darjah kebolehpercayaan.

Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Maklumat kesahan adalah merujuk kepada keupayaan instrumen ujian itu untuk mencapai tujuan penyelidikan. Menurut Tuckman (1994), sesuatu pengukuran mungkin boleh dipercayai tetapi tidak bermakna pengukuran itu mengukur apa yang harus diukurnya. Maklumat yang diperolehi dari kajian rintis dianalisis untuk mengetahui nilai kebolehpercayaannya.

Untuk keseluruhan item soal selidik kajian ini kebolehpercayaan nilai Alfa Cronbach yang diperolehi ialah (0.97). Mengikut Najib Ghaffar (1998), kajian yang mencapai nilai alpha 0.6 hingga 0.9 mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

Perbincangan

Tahap Kesediaan Guru Pelatih Dalam Aspek Sikap

Profesion perguruan merupakan bidang yang penting kepada negara kerana guru merupakan orang yang bertanggungjawab untuk mencorakkan para pelajarnya. Tugas seorang pencorak adalah tidak mudah kerana andai tersalah corak pasti akan merosakkan serta mencacatkan keadaan. Guru sebagai pencorak perlulah memiliki sikap yang baik supaya corak yang tergambar pada pelajarnya juga adalah yang terbaik. Sifat baik yang disarankan oleh Imam al-Ghazali adalah enam sifat mahmudah yang bermaksud sifat terpuji. Sifat mahmudah yang kelima adalah *as-syajaah* yang bermaksud berani. Disini jelaslah terbukti bahawa guru pelatih perlu berani menyahut cabaran untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak kerana seorang yang berani tergolong dikalangan orang yang terpuji.

“Guru-guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara, menjamin perkembangan individu dan memelihara satu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin.” (Omar Mohd. Hashim, 1999: 338).

Minat dan sikap adalah saling berkaitan dimana minat dapat mempengaruhi sikap seseorang dan minat juga dapat digambarkan melalui sikapnya. Ia bersesuaian dengan apa yang diperkatakan oleh Salleh (1992), seseorang itu memerlukan minat yang mendalam dalam sesuatu pekerjaan yang diceburinya barulah lahir semangat berdedikasi dalam menjalankan tugas, rajin, berdisiplin dan bersedia untuk berkorban kerana murid dan pelajaran.

Melalui kajian yang telah dijalankan di dalam persoalan kajian terdapat tahap kesediaan sikap ini berada pada tahap sederhana yang mana perlu dititikberatkan. Responden tidak bersedia dan tidak berani untuk menghadapi sebarang cabaran. Disini dapat disimpulkan bahawa guru pelatih ini terlalu manja kerana tidak ada daya ketahanan diri serta emosi untuk berdepan dengan cabaran berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Ini membuktikan lagi bahawa guru pelatih ini terlalu lemah kerana tidak bersedia untuk memikul segala tugas yang diberikan. Guru sepatutnya mendepani segala cabaran termasuk tugas tambahan kerana cabaran merupakan tangga atau laluan untuk berjaya seandainya guru dapat menangani dengan baik. Sememangnya tugas guru tidaklah tertakluk kepada mengajar semata-mata seperti yang telah dinyatakan oleh Asmi Rabi`atul Husnita As`ar (1996) bahawa tugas guru tidaklah tertumpu kepada mengajar semata-mata. Harith Likki (1977) juga ada menyatakan antara tugas am setiap guru adalah berkaitan dengan bilik darjah. Selain daripada itu guru juga terikat dengan tugas sebagai guru rumah sukan, persatuan atau kelab serta tugas pentadbiran.

Berdasarkan kajian didapati terdapat item yang mencapai tahap yang paling tinggi. Ini kerana guru pelatih sedar akan kepentingan untuk berfikir kearah yang positif untuk mendapatkan keputusan atau hasil di tahap yang memuaskan. Pemikiran positif adalah cara pemikiran yang menjuruskan kearah keupayaan

yang mana pada asasnya ia melihat pada aspek yang baik serta membina. Untuk berfikiran positif guru pelatih perlulah memberi perhatian yang positif terhadap masalah serta perkara yang dialami dalam menjalani kehidupan terutamanya apabila di tempatkan di Sabah dan Sarawak. Segala masalah serta cabaran perlu dihadapi dengan berpandangan yang positif kerana hidup akan lebih mudah dijalani apabila kita selalu berfikiran positif.

Melalui persoalan kajian juga didapati bahawa keputusan yang diperolehi kebanyakannya berada pada tahap tinggi. Menurut kajian Gowan (1957) menyatakan, antara sahsiah guru yang baik dan berkesan adalah mempunyai sifat peramah dan mesra dalam perhubungannya dengan orang lain. Kenyataan Gowan ini memperkukuhkan lagi pernyataan bahawa mereka akan berusaha untuk menyesuaikan diri dengan keadaan sekeliling sekiranya diarahkan berkhidmat di Sabah dan Sarawak.

Guru pelatih biasanya diperhatikan dan dinilai sepanjang masa oleh semua warga sekolah serta masyarakat sekitarnya. Masyarakat menilai bahawa imej serta cara guru pelatih melambangkan kualiti tempat pengajiannya. Menurut Maisarah Bahrin (2008) sebagai guru pelatih di sekolah, mereka seharusnya sentiasa memikirkan tentang kualiti sebagai guru, personaliti sebagai seorang guru, peranan kepada murid-murid dan harapan ibu bapa dan peranan kepada masyarakat. Apabila kesemuanya terlaksana dengan baik, maka guru pelatih akan dihormati dan diberi kepercayaan untuk memimpin sesebuah organisasi. Sekiranya amalan dan sikap tidak berdisiplin yang bercanggah dengan harapan masyarakat yang selalu melihat guru sebagai manusia unggul dan budiman akan melunturkan imej dan pengaruh serta keberkesanan guru dalam masyarakat.

Terdapat perbezaan diantara guru yang berprestasi baik dan berprestasi lemah. Menurut dapatan kajian oleh Halimah Harun dalam Jurnal Pendidikan 31 (2006:83-96) Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia menggariskan ciri guru pelatih yang berprestasi baik dan berprestasi lemah. Guru pelatih yang berprestasi baik mempunyai sikap yang tidak menyalahkan orang lain jika ada kesilapan, rajin, dedikasi dan selalu buat perubahan dalam pengajaran, seronok bekerja, mengharap yang terbaik dan mengambil nasihat dan maklumbalas manakala sikap guru yang berprestasi lemah adalah selalu menyalahkan pelajar jika hadapi masalah dalam kelas, kecewa dengan kerjaya guru, tidak mendapat kepuasan, menyatakan kerjaya guru membosankan dan tidak seronok, tidak mengambil maklum balas daripada pengalaman lepas, malas, degil dan tidak mengambil nasihat dan tidak mengalakkan pelajar untuk belajar. Jelas ternyata bahawa guru pelatih berciri baik mempunyai sikap yang positif juga manakala guru pelatih yang berprestasi lemah mempunyai sikap yang negatif.

Sikap banyak mempengaruhi diri individu. Menurut Phillip Van Hooser (1998) Sikap adalah kunci kepada segalanya. Sikap dapat disamakan dengan kehendak (*desire*). Sesiapa jua boleh memiliki pengetahuan dan kemahiran yan tertentu bagi melaksanakan perkara-perkara besar lagi hebat, tetapi jika tanpa kehendak yang mendorong dan menggerakkan tingkah-laku dan perbuatan maka hasil akhirnya adalah potensi yang tidak dapat direalisasikan. Didapati juga individu-individu yang kurang pengetahuan dan kemahiran tetapi mereka memiliki sikap, kehendak dan dorongan yang cukup kuat dapat mengatasi sebarang halangan yang mereka hadapi dengan jayanya.

Tahap Kesediaan Guru Pelatih Dalam Aspek Kemahiran Mengajar

Berdasarkan kajian ini menunjukkan bahawa guru pelatih sememangnya sudah cukup bersedia daripada segi kemahiran mengajar kerana mereka telah cukup dibekalkan dengan kemahiran mengajar selama empat tahun menuntut di bidang pendidikan di UTM. Ini membuktikan bahawa hasil usaha UTM melatih bakal guru ini selama empat tahun adalah tidak sia-sia kerana berjaya menghasilkan produk yang bermutu dari segi kemahiran mengajar yang mana menjadi bekalan apabila ditempatkan mengajar nanti.

Kesemua pernyataan di dalam persoalan kajian ini berada pada tahap tinggi. Ini jelas membuktikan responden benar-benar yakin dengan tahap kemahiran mengajar mereka. Namun melalui kajian didapati bahawa guru pelatih ini hanya tahu menggunakan kaedah mengajar yang biasa sahaja dan tidak bersedia untuk menggunakan kaedah yang lain seperti kaedah pengayaan dan pembelajaran masteri (*masteri learning*). Kemahiran mengajar merupakan aspek yang amat penting untuk menjadi seorang guru untuk melahirkan pelajar yang berjaya, ini disokong oleh kenyataan bahawa pelajar yang gagal dipengaruhi oleh kaedah pengajaran yang masih lagi bersifat tradisional seperti terlalu banyak menggunakan kaedah syarahan kurang menarik minat dan perhatian malah membosankan pelajar, guru yang kurang komited dan kreatif, tiada hubungan yang akrab antara guru dengan pelajar, dan guru tidak membantu mengatasi masalah pelajar (KPM 2002, m.s.3-22).

Guru seharusnya bijak mengatur strategi mengajar serta sentiasa membuat kejutan kepada para pelajarnya semasa mengajar. Menurut Mohd Salleh (1996), untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran berkesan guru-guru sepatutnya menjalinkan isi kandungan sesuatu mata pelajaran dengan teknik-teknik pengajaran yang difikirkan sesuai. Rashidi dan Abdul Razak (1996), pula berpendapat kaedah pengajaran mestilah berpusatkan pelajar. Para pelajar seharusnya dibimbing bagaimana untuk mengguna dan memperkembangkan potensi mereka secara maksimum untuk memperolehi pengetahuan dan kemahiran. Ini membuktikan bahawa responden tahu menggunakan kaedah mengajar yang bersesuaian dengan isi kandungan mata pelajaran kerana skor yang diperolehi oleh kesemua item di dalam persoalan kajian ini adalah pada tahap tinggi.

Seorang guru perlu mempunyai kesediaan yang tinggi serta membuat persiapan yang lebih awal sebelum ke sekolah. Mengikut Atan Long (1986) kerja-kerja pengajaran hendaklah dirancang terlebih dahulu dengan teliti sebelum sesuatu pengajaran dilakukan. Rancangan pengajaran hendaklah dibuat sebelum persekolahan bermula. Persediaan mengajar hendaklah dibuat dengan terperinci dan alat-alat mengajar hendaklah disiapkan sebelum pengajaran dimulakan. Persediaan yang rapi akan menyebabkan pengajaran seseorang itu sistematik, teratur dan terarah, sesuatu persediaan mengajar menunjukkan apa yang telah dibuat, ke arah mana murid-murid akan dibimbing dan apakah kerja-kerja yang mesti dilakukan dalam unit pelajaran itu. Persediaan mengajar sepatutnya menceritakan dengan cara yang mudah apa yang akan dilakukan oleh guru, bagaimana murid-murid dilibatkan dalam satu-satu masa dan bagaimana interaksi antara guru dengan murid berlaku (Atan Long, 1978).

Alat bantuan mengajar juga tidak boleh dipandang remeh kerana ia memainkan peranan yang penting sebagai pengukuhan kepada para pelajar. Hasil penyelidikan pakar-pakar teknologi barat juga telah mendapati bahawa penggunaan alat bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran banyak memberi faedah kepada para pendidik dan pelajar (Ahmad Jaffni, 1989). Di antaranya ialah alat bantu mengajar boleh:

- i. Menyediakan satu asas yang kukuh untuk menggabungkan kefahaman dan fikiran serta dapat mengembangkan berbagai-bagai gerakan daya lisan dan daya fikir pelajar
- ii. Merangsang minat yang tinggi di kalangan pelajar di mana minat merupakan faktor yang penting dalam pendidikan
- iii. Menyediakan pengalaman yang tidak dapat diperolehi dengan mudah melalui cara-cara lain kerana ia dapat menyediakan pembelajaran yang lebih mendalam dan konkrit
- iv. Membekalkan satu asas untuk mengembangkan satu potensi pembelajaran murid dan menjadikan pembelajaran itu lebih kekal

- v. Memberikan pengalaman sebenar hingga dapat merangsangkan kegiatan pelajar-pelajar dalam proses pembelajaran
- vi. Mengarahkan pelajar-pelajar untuk membuat penyiasatan dan menimbulkan rasa ingin tahu mengenai sesuatu perkara secara lebih terperinci.

Guru tidak semestinya terikat dengan kaedah mengajar yang ada kerana guru yang cemerlang adalah di kalangan guru yang kreatif dalam perancangan serta mempunyai gaya yang tersendiri untuk membuatkan para pelajarnya memahami serta berminat dengan pengajarannya. Lipton dan Wellman (1998) menyatakan bahawa guru yang berkesan bukan sahaja menggunakan kaedah pengajaran secara terus untuk memperkenalkan sesuatu konsep atau isi kandungan pelajaran, tetapi mereka juga menggunakan strategi pengajaran tambahan bagi menggalakkan para pelajarnya belajar sendiri. Pembelajaran berkesan adalah pembelajaran yang menyeronokkan (Dick & Reiser, 1989).

Gaya pengajaran guru mempengaruhi minat serta prestasi pelajar, justeru itu guru perlu mewujudkan situasi pembelajaran yang menarik. Menurut Ismail Zain seorang pakar motivasi pendidik dalam Motivasi Utusan (2001-2007), keseronokan belajar adalah sesuatu yang diharapkan oleh semua golongan guru terhadap pelajar-pelajarnya. Keseronokan membawa implikasi pelajar tertarik dan berminat hendak belajar, manakala guru pula mempunyai strategi yang boleh mendorong pelajar-pelajarnya memberi tumpuan serta mengambil bahagian yang menyeluruh dalam proses pengajaran pembelajaran.

Keseronokan belajar ini dapat diwujudkan sekiranya guru dapat menyampaikan pengajarannya dengan bantuan bahan atau media. Perkembangan teknologi telah dapat mempelbagaikan perkakasan dan perisian dalam sistem penyampaian. Bermula dengan interaksi secara lisan, manusia mula berkomunikasi dengan mencatat di atas bahan yang bermula dengan daun hinggalah berlakunya perkembangan teknologi kertas dan percetakan. Seterusnya teknologi fotografi telah berkembang yang menyebabkan terdapatnya gambar-gambar yang dapat digunakan sebagai satu rujukan disusuli pula dengan media elektronik seperti radio, TV, filem, video, VCD, DVD dan perkembangan terakhir dengan ada teknologi maklumat seperti telesidang dan komputer terutamanya dalam bidang multimedia.

Walaupun perkembangan teknologi seumpama ini banyak memberi sumbangan terhadap dunia hiburan tetapi tidak dapat disangkal dalam pendidikan perkembangan ini dapat memberi kesan yang positif dalam proses pembelajaran. Sebagai seorang guru perkembangan yang begitu mencabar ini harus dianggap sebagai satu peluang ke arah mempelbagaikan strategi dan mempermantapkan sistem penyampaian ke arah yang lebih berkesan, dinamik, menyeronokkan dan menghiburkan.

Melalui usaha peningkatan profesionalisme guru, guru akan mengenali dirinya sendiri, mengetahui kekuatan dan kelemahannya dan mengetahui caragayanya sendiri untuk merealisasikan potensinya sebagai guru. Caragaya ini pula perlu disesuaikan dengan kerenah murid iaitu boleh lentur (Rosenshine, 1970). Ini bermakna guru perlulah menyesuaikan kaedah mengajar mereka dengan keadaan serta situasi para pelajar kerana setiap pelajar adalah berbeza dengan pelajar yang lain. Guru yang bersedia daripada segi kemahiran mengajar tidak gentar walau dicampakkan mengajar di mana sahaja kerana ia mempunyai kekuatannya tersendiri dan guru seperti inilah yang biasanya memporolehi kecemerlangan sebagai pendidik.

Masalah- masalah Yang Dihadapi Guru Pelatih

Berdasarkan kajian yang telah dilakukan terdapat enam masalah yang dinyatakan oleh pihak responden. Menurut Marzita Abdullah dalam Portal Pendidikan Utusan menyatakan bahawa masalah teknikal mungkin menjadikan insentif insurans hayat kepada guru di pedalaman menjadi 'tidak bermakna' khususnya di pedalaman Sabah dan Sarawak. "Biasanya insurans ini hanya laku apabila seseorang itu

menaiki kenderaan berlesen sedangkan kita tahu guru-guru pedalaman terutamanya di Sabah dan Sarawak sering menaiki kenderaan tidak berlesen yang dipunyai oleh penduduk tempatan,” kata Presiden Kesatuan Guru-Guru Sarawak (STU), William Ghani Bina.

Menurut Utusan Malaysia 7 Mei 2008 rutin harian murid-murid di Sekolah Kebangsaan Kalabakan yang terpaksa meniarap dan gurunya pula bersila akibat ketiadaan kemudahan asas. Beberapa sekolah pedalaman dan pulau-pulau terpencil di Sabah sebelum ini mendapati, masih banyak sekolah yang berdingkakan kayu dan papan serta tidak mempunyai perumahan guru yang sempurna. Keadaan ini membuatkan guru pelatih bertambah yakin atau telah setkan minda mereka bahawa sekolah di Sabah dan Sarawak adalah mundur dan banyak kekangan serta kekurangan. Mereka merasakan bahawa jika ditempatkan di sekolah terbabit mereka akan menghadapi banyak masalah serta berisiko tinggi.

Rumusan

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk menilai dan menentukan tahap kesediaan guru pelatih JPTK UTM Fakulti Pendidikan untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak. Daripada hasil dapatan kajian terhadap persoalan-persoalan kajian, dapatlah dirumuskan bahawa secara keseluruhannya kajian ini menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah dinyatakan dalam bab 1. Kajian ini menjawab persoalan kajian pertama iaitu “Apakah tahap kesediaan sikap dan guru pelatih JPTK Fakulti Pendidikan UTM untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak?”. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kesediaan sikap guru pelatih berada pada tahap tinggi. Sepertimana yang telah dibuktikan melalui kajian-kajian yang lepas bahawa sikap merupakan perkara yang penting dalam diri manusia yang menggambarkan pembawaan serta tingkahlaku individu itu sendiri. Namun masih lagi terdapat item yang perlu diberi perhatian kerana berada pada tahap yang sederhana sahaja.

Kajian ini juga menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu “Apakah tahap kesediaan kemahiran mengajar guru pelatih JPTK Fakulti Pendidikan UTM?” dapat dinilai tahapnya iaitu berada pada tahap tinggi. Seorang guru yang cemerlang rata-rata lahir daripada guru yang memiliki kemahiran mengajar yang cukup mantap (memiliki segala aspek kemahiran mengajar) yang mana di terima serta di sanjung oleh para pelajarannya.

Selain itu, kajian ini juga dapat menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu “Apakah masalah-masalah dihadapi bagi guru pelatih JPTK Fakulti Pendidikan UTM untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak?”. Masalah utama yang menjadi penghalang guru pelatih untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak ialah responden tidak sanggup berjauhan daripada keluarga serta kampung halaman mereka. Selain itu guru pelatih juga takut menghadapi risiko keadaan yang serba kekurangan daripada segi kemudahan asas serta prasarana di sekolah. Guru pelatih juga menghadapi masalah komunikasi dan budaya serta tidak dapat menerima keadaan kos serta perbelanjaan yang tinggi. Seorang guru tidak boleh mengeluh dengan masalah yang menimpa malah menganggap bahawa segala masalah adalah satu cabaran yang mesti dihadapi dengan penuh kesabaran kerana cabaran itu merupakan ujian untuk kita lebih berjaya dan maju ke hadapan.

Rujukan

Adzmi Yusof (2003). *Keberkesanan Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Matapelajaran Lukisan Kejuruteraan Bagi Sab Topik Unjuran Ortografik, Pandangan Isometri Dan Oblik Di Sekolah Menengah Teknik Pantai Timur*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana.

Ahmad Jaffni Hassan (1989). Program Pendidikan Moral KBSM: *Pendekatan Kaedah Teknologi Pendidikan*. Wawasan, Nov: 25-33

- Ahmad Zairi Abas (2002). *Permasalahan Pembelajaran Dalam Mata Pelajaran Teknologi Kejuruteraan*. Tesis Sarjana.
- AL. Ramaiah (1999). *Kepimpinan Pendidikan Cabaran Masa Kini*. Selangor : IBS Buku Sdn. Bhd.
- Asmi Rabi'atul Husnita As'ar(1996). *Keluhan Guru*. Dewan Masyarakat. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Julai 4.
- Atan Long (1978). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Atan Long (1986). *Keberkesanan Sekolah*. Makalah,Universiti Pertanian Malaysia.
- Azlan Abdul Latif (2000), *Perlaksanaan Pengajaran Teknologi Kejuruteraan Di Sekolah Menengah Akademik Zon Selatan Semenanjung Malaysia*, Universiti Teknologi Malaysia, Tesis Sarjana.
- Berita Harian (2007). Guru Sabah, Sarawak Enggan Ke Pedalaman.
- Crow, L.D. dan Crow, A. (1983). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- David, M. M. (1981). *Teaching Concepts: An Instructional Design Guide*. Englewood Cliffs, New Jersey: Educational Technology Publishers.
- Esah Sulaiman (2003). *Profesionalisme Pendidikan*. Skudai : UTM
- Gowan, J.C (1957) dalam Atan Long (1978). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harith Likki (1977). *Guru Dengan Tugasnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Halimah Harun. Minat, Motivasi dan Kemahiran Mengajar Guru Pelatih. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Pendidikan 31*, 2006 83 – 96.
- Kallison, J.M. (1986). Effects of lesson organization achievement. *American Educational Research Journal*. 23,337-343
- Kamarudin Hj. Husin (1997). *Psikologi Bilik Darjah Asas Pedagogi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd
- Kamus Dewan (1990). Edisi Ketiga, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan (1991). Edisi Ketiga, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.